

04 AUG 1996  
Mahathir-Rasuah  
PM INGATKAN ANGGOTA UMNO SUPAYA TOLAK RASUAH

ALOR SETAR, 4 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dengan lantang mengingatkan seluruh anggota Umno supaya menghindari rasuah yang boleh memusnahkan parti.

Beliau berkata gejala ini harus dibendung dari peringkat pemimpin hingga ke akar umbi.

"Kita sudah tentu tidak mahu orang yang memimpin parti terdiri daripada mereka yang terbabit dengan rasuah kerana lambat-laun ia akan melingkupkan parti, kerajaan dan negara.

"Orang Melayu akan jadi hamba kerana mudah dibeli dan akhirnya bangsa lain akan memandang hina pada kita," katanya semasa merasmikan persidangan perwakilan Umno Bahagian Kubang Pasu di Dewan Jitra dekat sini.

Dr Mahathir yang juga ketua bahagian itu berkata meskipun beliau sudah berulang kali mengingatkan anggota Umno mengenai bahaya rasuah namun ia masih berlaku.

"Saya merasa sangat sedih kerana mesyuarat Majlis Tertinggi Umno semalam mendapat laporan bahawa masih ada anggota Umno yang dipilih mewakili bahagian ke perhimpunan agung di Kuala Lumpur sudah mula menemui calon untuk meminta duit.

"Mereka meminta duit untuk tambang kapal terbang. Ini benar-benar berlaku tapi kita tiada bukti yang cukup untuk membawa mereka ke mahkamah," katanya.

Beliau berkata wakil ke perhimpunan agung ini sudah memeras-ugut calon dengan meminta wang atau mereka tidak akan mengundi calon berkenaan.

Dr Mahathir berkata beliau juga tahu identiti anggota Umno yang terbabit dengan rasuah kerana mendapat banyak maklumat daripada pihak berkuasa.

"Saya juga Menteri Dalam Negeri dan saya terima banyak laporan...jangan ingat saya tidak tahu langsung. Saya masih boleh mendengar dan membaca. Saya tahu siapa dia," katanya.

"Oleh itu saya ingin syorkan kepada seluruh anggota Umno supaya menolak calon yang bertanding untuk mewakili bahagian ke perhimpunan agung yang terbabit dengan rasuah," katanya.

Presiden Umno itu berkata implikasi terhadap kegiatan rasuah dalam parti amat besar kerana ia secara langsung membabitkan negara.

Katanya jika seseorang calon sebagai contoh yang bertanding untuk jawatan anggota Majlis Tertinggi dipilih selepas merasuah, sudah pasti dia akan mencari jalan untuk mendapatkan semula wang yang sudah dibelanjakannya.

"Kalaulah dia ini menjadi Menteri pula, mungkin dia akan menjual apa sahaja yang di bawah bidang kuasanya untuk mendapatkan wang dan bayangkanlah apa akan terjadi jika dia menjadi Perdana Menteri.

"Habis lingkup semua kerana dia akan meluluskan apa sahaja permintaan asalkan dia diberi duit. Itu semasa berkuasa tetapi bila hilang kuasa, orang Melayu akan jadi hamba dan Umno akan hancur," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun gejala rasuah dalam Umno berlaku secara bersembunyian namun yang secara terang-terangan juga tidak kurang bilangannya.

Sebagai contoh, katanya ada orang menulis surat kepada isteri beliau, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali menyatakan hasratnya untuk menderma RM1 juta kepada Bakti (Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri) tetapi bersyarat.

"Orang ini kata dia sanggup menderma RM1 juta jika dia diberi kontrak tertentu. Dia kata kalau kontrak itu ditandatangani hari ini, masa itu jugalah duit yang dijanjikan boleh diberi," katanya.

-- BERNAMA

MZM ZAA RON